



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 12/79

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN DAN EFFLUEN-EFFLUEN PERINDUSTRIAN) 1979

Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A) 398/2000

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* : 1 Februari 1979
Tarikh mula berkuatkuasa : 1 Januari 1981

SUSUNAN PERATURAN

[Mukadimah](#)

BAHAGIAN I - PERMULAAN

- Peraturan 1. [Nama dan mula berkuatkuasa.](#)
Peraturan 2. [Tafsiran.](#)
Peraturan 3. [Pemakaian.](#)

BAHAGIAN II - PUNCA-PUNCA PELEPASAN BARU

- Peraturan 4. [Pelepasan punca-punca effluen baru dan diubah adalah dilarang.](#)
Peraturan 5. [Keperluan dan kelulusan pelan-pelan.](#)

BAHAGIAN III - SYARAT-SYARAT PELEPASAN KE DALAM PENGAIRAN DARATAN YANG BOLEH DITERIMA

Peraturan 6. [Buangan effluen yang mengandungi bahan-bahan tertentu adalah dilarang.](#)

Peraturan 7. [Cara-cara piawai menganalisa effluen.](#)

Peraturan 8. [Had-had bagi parameter effluen yang dilepaskan ke dalam pengairan daratan.](#)

BAHAGIAN IV - PELEPASAN EFFLUEN DAN KELADAK KE ATAS TANAH

Peraturan 9. [Sekatan-sekatan ke atas pelepasan effluen.](#)

Peraturan 10. [Sekatan-sekatan ke atas pelupusan keladak.](#)

BAHAGIAN V - LESEN BAGI MELANGGAR SYARAT -SYARAT YANG BOLEH DITERIMA

Peraturan 11. [Syarat-syarat yang boleh diterima yang boleh dilanggar.](#)

Peraturan 12. [Melapurkan perubahan tentang maklumat yang diberi bagi maksud-maksud permohonan.](#)

Peraturan 13. [Membuat perubahan-perubahan yang mengubah kualiti effluen.](#)

Peraturan 14. [Mempamirkan lesen.](#)

Peraturan 15. [Syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang sedia ada hendaklah diteruskan jika berlaku pertukaran tentang penduduk.](#)

BAHAGIAN VI - PELBAGAI

Peraturan 16. [Tempat pelepasan.](#)

Peraturan 17. [Pencairan effluen.](#)

Peraturan 18. [Tumpahan atau pelepasan secara tak sengaja.](#)

Peraturan 19. [Peruntukan-peruntukan untuk pemeriksaan.](#)

Peraturan 20. [Penduduk hendaklah memberi bantuan semasa pemeriksaan.](#)

BAHAGIAN VII - BAYARAN

Peraturan 21. [Bayaran bagi kebenaran bertulis.](#)

Peraturan 22. [Bayaran bagi lesen termasuk pembaharuan lesen.](#)

Peraturan 23. [Pengenepian bayaran.](#)

Peraturan 24. [Bayaran bagi memindah milik lesen.](#)

[JADUAL PERTAMA](#)

[JADUAL KEDUA](#)

[JADUAL KETIGA](#)

[JADUAL KEEMPAT](#)

[JADUAL KELIMA](#)

[JADUAL KEENAM](#)

[JADUAL KETUJUH](#)

[SENARAI PINDAAN](#)

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Menteri selepas berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat Peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I – PERMULAAN

Peraturan 1. Nama dan mula berkuatkuasa.

(1) Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan **Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-effluen Perindustrian) 1979**.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1979, kecuali bagi punca-punca yang wujud sebelum tarikh ini, peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1981.

Peraturan 2. Tafsiran.

Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain -

"effluen" ertinya kumbahan atau effluen-effluen perindustrian;

"effluen perindustrian" ertinya cecair atau air buangan yang dihasilkan oleh sebab-sebab proses pengeluaran yang berlaku di mana-mana premis perindustrian;

"pengairan daratan" termasuk apa-apa takungan air (reservoir), kolam, tasik, sungai, anak sungai, taliair, parit, matair ataupun telaga, mana-mana bahagian laut yang bersempadankan pantai pasang surut, dan mana-mana kumpulan air di permukaan atau di bawah permukaan bumi, samada semulajadi atau diadakan;

"lesen" ertinya sesuatu yang boleh didapati oleh seseorang bagi maksud-maksud seksyen 25 Akta;

"premis berlesen" ertinya premis-premis yang diduduki oleh seseorang yang adalah memegang sesuatu lesen yang dikeluarkan berkenaan dengan premis itu;

"parameter" ertinya mana-mana faktor yang ditunjukkan dalam ruang pertama Jadual Ketiga atau dalam Jadual Kelima dan mana-mana faktor lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah mengikut peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (4) Peraturan 8;

"kumbahan" ertinya apa-apa pelepasan buangan cecair atau air buangan yang mengandungi haiwan atau jirim tumbuhan di dalam keadaan ampaiian atau larutan dan boleh termasuk cecair-cecair yang mengandungi bahan-bahan kimia di dalam larutan;

"betung" ertinya apa-apa talian paip atau saluran-saluran dengan alatambah-alatambahnya yang direkabentuk dan digunakan untuk menyalur effluen;

"sistem betungan" ertinya satu sistem yang menghubungkan betung-betung dan kesemua struktur lain, alat-alat kelengkapan dan perabut-perabut yang bermaksud untuk pengumpulan, pengangkutan, dan mengempam effluen termasuk loji pengolahan;

"loji pengolahan" ertinya apa-apa kemudahan bagi suasana effluen memberi kesan terhadap penurunan atau penurunan separa dari keupayaannya untuk menyebabkan pencemaran.

Peraturan 3. Pemakaian.

Peraturan-peraturan ini hendaklah dipakai bagi pelepasan effluen ke dalam mana-mana pengairan daratan, selain daripada pelepasan effluen-effluen daripada premis yang ditetapkan atau premis lain yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau kedua-duanya.

BAHAGIAN II - PUNCA-PUNCA PELEPASAN BARU

Peraturan 4. Pelepasan punca-punca effluen baru dan diubah adalah dilarang.

Walau apapun peruntukan-peruntukan lain dalam Peraturan-peraturan ini, tiada seseorang pun tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah boleh-

(1) membuat apa-apa kerja atas mana-mana premis yang boleh menghasilkan pelepasan punca-punca effluen baru atau menyebabkan perubahan bahan dalam kuantiti atau kualiti pelepasan daripada punca-punca yang ada; atau

(2) membina di atas mana-mana tanah apa-apa bangunan yang direkabentuk atau digunakan bagi maksud yang boleh menyebabkan tanah atau bangunan itu menjadi suatu punca pelepasan effluen yang baru.

Peraturan 5. Keperluan dan kelulusan pelan-pelan.

(1) Sesuatu permohonan untuk membuat apa-apa kerja, bangunan, pembangunan atau perubahan yang ditentukan dalam peraturan 4 hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengarah dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan di bawah peraturan 21.

(2) Ketua Pengarah boleh memperkenalkan permohonan itu sama ada tertakluk kepada syarat-syarat atau dengan tidak bersyarat dan boleh menghendaki pemohon-

(a) membaiki, mengubah, mengganti atau memasang alat kawalan.

(b) mengadakan rancangan pengawasan dengan perbelanjaan sendiri atau menanggung perbelanjaan rancangan tersebut dalam jangkamasa atau pada tempoh tertentu dan dengan cara tertentu sebagaimana ditentukan oleh Ketua Pengarah.

**BAHAGIAN III - SYARAT-SYARAT PELEPASAN KE DALAM PENGAIRAN DARATAN YANG BOLEH
DITERIMA**

**Peraturan 6. Buangan effluen yang mengandungi bahan-bahan tertentu adalah
dilarang.**

Tiada seseorang boleh melepas atau menyebabkan atau membenarkan dilepaskan apa-apa bahan berikut ke dalam mana-mana pengairan daratan:

- (1) apa-apa pelarut yang mudah menyala;
- (2) apa-apa tar atau cecair-cecair lain yang tak larut bercampur dengan air;
- (3) hampas, sampah, habuk gergaji, balak, buangan binatang atau manusia atau jirim-jirim pepejal.

Peraturan 7. Cara-cara piawai menganalisa effluen.

Bagi maksud-maksud Peraturan-peraturan ini, effluen yang dilepaskan ke dalam pengairan daratan hendaklah dianalisa mengikut cara-cara yang dinyatakan dalam edisi kesembilan belas Jadual Kedua, atau mengikut apa-apa cara analisa lain yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

[Pin. P.U. (A) 400/97]

**Peraturan 8. Had-had bagi parameter effluen yang dilepaskan ke dalam pengairan
daratan.**

(1) Tiada seseorang boleh melepaskan effluen, yang dianalisa mengikut peraturan 7, yang mengandungi bahan-bahan yang mempunyai kepekatan-kepekatan lebih besar daripada yang dinyatakan sebagai had-had parameter-

- (a) Piawai A, sebagaimana yang ditunjukkan dalam ruangan ketiga Jadual Ketiga, ke dalam mana-mana pengairan daratan dalam kawasan-kawasan tadahan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat; atau

(b) Piawai B, sebagaimana yang ditunjukkan dalam ruangan keempat Jadual Ketiga, ke dalam mana-mana pengairan daratan yang lain.

(2) Jika dua atau lebih logam-logam yang dinyatakan sebagai parameter-parameter (xii) hingga (xvi), (menurut perenggan (1) peraturan ini) terdapat effluen, kepekatan logam-logam tersebut tidak boleh lebih besar daripada -

(a) 0.5 miligram per liter kesemuanya, di mana Piawai A boleh dipakai;

(b) 3.0 miligram per liter kesemuanya, dan untuk bentuk-bentuk pelarut 1.0 miligram per liter kesemuanya, di mana Piawai B boleh dipakai.

(3) Jika Piawai B boleh dipakai dan kedua-dua fenol dan klorin bebas terdapat dalam effluen yang sama, kepekatan fenol itu sendiri tidak boleh lebih besar daripada 0.2 miligram per liter dan kepekatan klorin bebas itu sendiri tidak boleh lebih besar daripada 1 miligram per liter.

(4) Jika Ketua Pengarah fikirkan perlu, ia boleh, melalui notis secara bertulis menentukan syarat-syarat pelepasan yang boleh diterima termasuk had-had parameter bagi effluen, berhubung dengan mana-mana atau semua parameter yang dinyatakan dalam Jadual Kelima dan mana-mana parameter lain yang tidak disenaraikan di mana-mana jua dalam Peraturan-peraturan ini.

BAHAGIAN IV - PELEPASAN EFFLUEN DAN KELADAK KE ATAS TANAH

Peraturan 9. Sekatan-sekatan ke atas pelepasan effluen.

Tiada seseorang boleh melepaskan atau menyebabkan atau membenarkan dilepaskan apa-apa effluen ke dalam atau ke atas mana-mana tanah atau permukaan mana-mana tanah tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.

Peraturan 10. Sekatan-sekatan ke atas pelupusan keladak.

Tiada seseorang boleh melepaskan atau menyebab atau membenar dilepaskan apa-apa buangan pepejal atau keladak yang keluar dari mana-mana pengeluaran atau proses-proses perusahaan atau dari

mana-mana effluen loji pengolahan dalam atau ke atas mana-mana tanah atau permukaan mana-mana tanah tanpa kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah.

BAHAGIAN V - LESEN BAGI MELANGGAR SYARAT -SYARAT YANG BOLEH DITERIMA

Peraturan 11. Syarat-syarat yang boleh diterima yang boleh dilanggar.

(1) Mengikut peruntukan-peruntukan seksyen 25 (1) Akta, permohonan untuk suatu lesen boleh dibuat bagi maksud-maksud melanggar syarat-syarat pelepasan effluen yang boleh diterima yang dinyatakan di dalam peraturan 8.

(2) Suatu permohonan bagi sesuatu lesen hendaklah dibuat mengikut acara-acara yang dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelesenan) 1977.

(3) Ketua Pengarah boleh enggan meluluskan permohonan bagi suatu lesen jika ia berpuas hati bahawa jika permohonan bagi mendapatkan lesen itu diluluskan, ia mungkin akan menyebabkan keadaan yang lebih buruk kepada pengairan daratan atau menyebabkan pencemaran kepada bahagian atau mana-mana elemen alam sekeliling.

(4) Tanpa menyentuh peruntukan perenggan-kecil (3) peraturan ini, Ketua Pengarah boleh meluluskan permohonan bagi suatu lesen jika ia berpuas hati bahawa -

(a) tidak ada cara kawalan yang praktik yang dapat dilakukan untuk membolehkan penyesuaian dengan syarat-syarat yang boleh diterima;

(b) kos yang dianggarkan yang akan dikenakan untuk pematuhan adalah prohibit memandang kepada keadaan dan saiz industri, perdagangan, atau proses yang sedang dijalankan dalam premis yang melepaskan effluen; atau

(c) rekabentuk dan pembinaan apa-apa loji pengolahan atau alat kawalan lain dan perlaksanaannya memerlukan tempoh masa yang lebih lama daripada masa yang diuntukkan bagi pematuhan Peraturan-peraturan ini; atau

(d) penerapan syarat-syarat yang boleh diterima yang ditetapkan akan menimbulkan hal-keadaan yang mana, pada pendapatnya dan memandangkan kepada semua faktor, adalah tidak menasabah praktik atau berlawanan dengan maksud dan tujuan Akta; atau

(e) sistem betungan akan disediakan dan effluen yang dibenarkan akan dimasukkan ke dalam sistem betungan.

(5) Bagi maksud perenggan-kecil (4) (e), dalam mengenakan syarat-syarat ke atas lesen pembatalan parameter-parameter bagi effluen yang akan dilepaskan, Ketua Pengarah hendaklah berpandukan-

(a) kepada had-had parameter Piawai B berkenaan dengan pelepasan ke dalam mana-mana pengairan daratan yang dinyatakan dalam peraturan 8 (1) (a); atau

(b) kepada had-had parameter yang dinyatakan dalam Jadual Keenam berkenaan dengan pelepasan ke dalam mana-mana pengairan daratan lain.

Peraturan 12. Melapurkan perubahan tentang maklumat yang diberi bagi maksud-maksud permohonan.

Seseorang pemohon lesen atau bagi membarui atau memindah-milik suatu lesen hendaklah, dalam tempoh tujuh hari dari berlakunya apa-apa perubahan penting tentang apa-apa maklumat yang telah diberi dalam permohonannya atau yang telah diberi secara bertulis menurut suatu permintaan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 11 (2) Akta, memberi kepada Ketua Pengarah suatu laporan secara bertulis mengenai perubahan itu.

Peraturan 13. Membuat perubahan-perubahan yang mengubah kualiti effluen.

(1) Pemegang sesuatu lesen tidak boleh membuat, atau menyebabkan atau membiarkan dibuat, apa-apa perubahan kepada premis itu atau tentang cara mengelola, menggunakan, menyelenggara atau pengendali premis itu atau tentang apa-apa pengendalian atau proses yang dijalankan di premis itu, jika perubahan itu menyebabkan atau bertujuan atau mungkin menyebabkan pertambahan matan pada kuantiti effluen yang dilepaskan dari premis itu, melainkan kelulusan secara bertulis diperolehi terlebih dahulu dari Ketua Pengarah bagi perubahan itu.

(2) Bagi maksud-maksud perenggan (1) perubahan bagi premis berlesen termasuklah-

(a) apa-apa perubahan mengenai pembinaan struktur, atau susunan premis itu atau mana-mana bangunan yang menjadi sebahagian daripada premis itu;

(b) apa-apa perubahan mengenai pembinaan, struktur, susunan, pembarisan, arah atau keadaan mana-mana alat penyaluran, sistem, atau kemudahan yang memenuhi premis itu; dan

(c) apa-apa perubahan, pada atau dalam mana-mana loji, mesin, atau peralatan yang digunakan atau dipasang di premis itu.

Peraturan 14. Mempamirkan lesen.

Pemegang sesuatu lesen hendaklah mempamirkan lesennya bersama dengan tiap-tiap dokumen yang menjadi sebahagian daripadanya lesen itu, di sesuatu tempat yang mudah dilihat dalam bangunan utama premis itu.

Peraturan 15. Syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang sedia ada hendaklah diteruskan jika berlaku pertukaran tentang penduduk.

Jika seseorang menjadi penduduk premis berlesen bagi menggantikan seorang lain yang memegang suatu lesen yang belum lagi tamat tempohnya mengenai premis itu, maka -

(a) bagi tempoh empat belas hari selepas pertukaran penduduk itu; atau

(b) jika penduduk yang baru itu membuat suatu permohonan dalam tempoh tersebut supaya lesen itu dipindahmilik kepadanya, bagi tempoh mula dari pertukaran penduduk sehingga keputusan muktamad dibuat mengenai permohonannya,

syarat-syarat dan sekatan-sekatan lesen itu hendaklah mengikat penduduk baru itu dan hendaklah dipatuhi olehnya, walaupun ia belum yang dinyatakan dalam perenggan-kecil (a) atau (b), mengikut mana yang berkenaan, telah tamat tempohnya.

BAHAGIAN VI – PELBAGAI

Peraturan 16. Tempat pelepasan.

- (1) Tempat atau tempat-tempat pelepasan effluen hendaklah ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- (2) Kedudukan dan rekabentuk jalan keluar di tempat atau tempat-tempat pelepasan effluen ke dalam mana-mana pengairan daratan atau ke atas mana-mana tanah seperti yang ditetapkan dalam perenggan (1) tidak boleh diubah atau ditukar tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.
- (3) Di mana kepekatan mana-mana parameter bagi effluen yang dilepaskan atau akan dilepaskan disebut dalam Peraturan-peraturan ini, rujukan itu, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, adalah kepekatan sebagaimana pada tempat pelepasan yang ditetapkan di dalam perenggan (1).

Peraturan 17. Pencairan effluen.

Tiada seseorang boleh mencairkan, atau menyebabkan atau membenarkan, mana-mana effluen, sama ada mentah atau dipulih, pada bila-bila masa pada atau pada mana-mana takat selepas ianya dikeluarkan di mana-mana premis melainkan suatu kelulusan bertulis terlebih dahulu telah didapati dari Ketua Pengarah untuk pencairan itu dan pencairan adalah dibuat mengikut had-had dan syarat-syarat kelulusan itu.

Peraturan 18. Tumpahan atau pelepasan secara tak sengaja.

- (1) Jika terjadi apa-apa tumpahan atau pelepasan secara tak sengaja bahan-bahan yang dinyatakan dalam peraturan 8 yang sama ada masuk atau mungkin dapat masuk secara langsung atau secara tak langsung ke dalam mana-mana pengairan daratan, orang atau orang-orang yang bertanggungjawab di atas kejadian itu hendaklah dengan sertamerta memberitahu Ketua Pengarah mengenai kejadian itu.
- (2) Orang atau orang-orang yang bertanggungjawab atas tumpahan atau pelepasan secara tak sengaja yang disebutkan dalam perenggan-kecil (1) adalah dikehendaki, setakat mana yang boleh, mengisi, membersihkan atau mengurangkan kesan-kesan tumpahan atau pelepasan yang tak sengaja itu atau mengambil kembali bahan-bahan yang terlibat di dalam tumpahan atau pelepasan yang tak sengaja itu dengan cara yang memuaskan hati Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah hendaklah mengganggarkan apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh tumpahan atau pelepasan tak sengaja dan boleh mendapatkan semula semua kos dan perbelanjaan daripada orang atau orang-orang yang bertanggungjawab atas kejadian tumpahan atau pelepasan tak sengaja itu.

Peraturan 19. Peruntukan-peruntukan untuk pemeriksaan.

Seseorang yang melepaskan effluen ke dalam mana-mana pengairan daratan atau ke atas mana-mana tanah hendaklah, berkenaan dengan pelepasan tersebut, ruang-ruang pemeriksaan, jangkaalir, dan alat-alat merekod serta radas-radas lain sebagaimana yang dikehendaki dari masa ke semasa oleh Ketua Pengarah.

Peraturan 20. Penduduk hendaklah memberi bantuan semasa pemeriksaan.

Tiap-tiap penduduk mana-mana premis hendaklah memberi Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai lain yang diberikuasa secara bertulis olehnya segala-gala bantuan atau kemudahan yang menasabah yang terdapat di premis-premis itu termasuklah tenaga buruh, peralatan, perkakas dan alat-alat yang mungkin dikehendakinya bagi maksud mengambil apa-apa tindakan yang ia diberikuasa oleh seksyen 38 Akta berkenaan dengan premis-premis itu.

BAHAGIAN VII – BAYARAN

Peraturan 21. Bayaran bagi kebenaran bertulis.

Bayaran bagi kebenaran bertulis di bawah peraturan 4 ialah RM100.00.

Peraturan 22. Bayaran bagi lesen termasuk pembaharuan lesen.

(1) Bayaran bagi suatu lesen, termasuk pembaharuan suatu lesen, ialah RM100.00 termasuk suatu jumlah yang berkaitan dengan effluen yang dihitung mengikut cara yang ditetapkan dalam Jadual Ketujuh.

(2) Bayaran sebanyak RM100.00 hendaklah disertakan dengan permohonan dan tidak akan dikembalikan.

(3) Jumlah yang berkaitan dengan effluen tidak dikehendaki dibayar sehingga diminta.

Peraturan 23. Pengepian bayaran.

(1) Jika Ketua Pengarah berpuashati bahawa penyelidikan mengenai pelupusan atau pengolahan effluen dari jenis atau ukuran yang mungkin berfaedah bagi perlindungan alam sekeliling sedang atau akan dijalankan di mana-mana premis berlesen, ia boleh, dengan kelulusan Menteri, sepenuhnya atau sebahagiannya mengeneikan mana-mana jumlah yang berkaitan dengan effluen yang kena dibayar menurut peraturan 22 (3).

(2) Dalam memutuskan setakat manakah pengepian itu, Ketua Pengarah hendaklah berpandukan -

(a) kepada pertimbangan beberapa banyakkah jumlah effluen yang dilepaskan atau akan dilepaskan itu terlibat dalam penyelidikan; atau

(b) kepada pertimbangan sifat-sifat fizik dan kimia effluen yang dilepaskan atau yang akan dilepaskan.

Peraturan 24. Bayaran bagi memindahmilik lesen.

Bayaran bagi memindahmilik lesen ialah RM30.00.

JADUAL PERTAMA

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN DAN EFFLUEN-EFFLUEN PERINDUSTRIAN) 1979

[Peraturan 3]

SENARAI PELEPASAN-PELEPASAN YANG MANA PERATURAN-PERATURAN INI TIDAK DIPAKAI

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan peraturan 6, Peraturan-peraturan ini tidak boleh dipakai bagi melepaskan effluen ke dalam mana-mana pengairan daratan, daripada semua punca-punca pencemaran yang berikut:

1. Memproses buah kelapa sawit atau tandan-tandan buah kelapa sawit menjadi minyak kelapa sawit mentah sama ada sebagai keluaran perantaraan atau keluaran siap;
2. Memproses getah asli dalam bentuk yang ditentukan secara, teknik, dalam bentuk susu getah termasuk yang belum divulcan atau bentuk getah yang diubahsuaikan dan getah maksud khas, keping lazim, skim, kerip atau segerap;
3. Aktiviti-aktiviti perlombongan;
4. Memproses, mengilang, membasuh atau membersihkan mana-mana keluaran atau barang-barang yang mana:
 - (1) mengeluarkan effluen yang kurang daripada 60 meter padu (13,000 gellen imperial) sehari;;
 - (2) effluen tidak mengandungi bendasing-bendasing yang disenaraikan sebagai parameter-parameter (vi) hingga (xvi) di dalam ruangan pertama Jadual Ketiga;
 - (3) Jumlah muatan keperluan oksigen kimia-hayat (B.O.D) bagi effluen yang ditetapkan pada 20 darjah Centigrade selama 5 hari atau pepejal-pepejal ampai tidak boleh melebihi kilogram sehari (kepekatan 100 miligram per liter) atau kedua-duanya;

(4) Tanpa menyentuh keluasan perenggan 4 (3) Jadual ini, mana-mana pembangunan perumahan atau perdagangan atau kedua-duanya yang kurang daripada 30 unit.

JADUAL KEDUA

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN DAN EFFLUEN-EFFLUEN PERINDUSTRIAN) 1979

[Peraturan 7]

CARA-CARA STANDARD MENGANALISA EFFLUEN

1. "Standard Methods for the Examination of Water and Wastewater" yang diterbitkan bersama oleh the American Public Health Association, the American Water Works Association and the Water Pollution Control Federation of the United States; atau

2. [Dipotong oleh P.U. (A) 400/97]

JADUAL KETIGA

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN DAN EFFLUEN-EFFLUEN PERINDUSTRIAN) 1979

[Peraturan 8 (1), 8 (2), 8 (3)]

HAD-HAD PARAMETER BAGI EFFLUEN PIAWAI A DAN PIAWAI B

<i>Parameter</i>	<i>Unit</i>	<i>Piawai</i>	
		<i>A</i>	<i>B</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
(I) Suhu	°C	40	40
(ii) Nilai pH	-	6.0-9.0	5.5-9.0
(iii) BOD ₅ pada 20°C	mg/1	20	50
(iv) COD	mg/1	50	100
(v) Pepejal terampai	mg/1	50	100
(vi) Raksa	mg/1	0.005	0.05
(vii) Kadmium	mg/1	0.01	0.02
(viii) Kromium, Heksavalensi	mg/1	0.05	0.05
(ix) Arsenium	mg/1	0.05	0.10
(x) Sianid	mg/1	0.05	0.10
(xi) Pelambum	mg/1	0.10	0.5
(xii) Kromium, Trivalensi	mg/1	0.20	1.0
(xiii) Tembaga	mg/1	0.20	1.0
(xiv) Mangganam	mg/1	0.20	1.0
(xv) Nikel	mg/1	0.20	1.0
(xvi) Timah	mg/1	0.20	1.0
(xvii) Zing	mg/1	2.0	2.0
(xviii) Boron	mg/1	1.0	4.0
(xix) Besi (Fe)	mg/1	1.0	5.0

(xx) Fenol	mg/1	0.001	1.0
(xxi) Klorin bebas	mg/1	1.0	2.0
(xxii) Sulfid	mg/1	0.50	0.50
(xxiii) Minyak dan geris	mg/1	tak boleh dikesan	10.0

[Pin. P.U. (A) 398/2000]

JADUAL KEEMPAT

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN DAN EFFLUEN-EFFLUEN PERINDUSTRIAN) 1979

[Peraturan 8 (1)]

SENARAI KAWASAN-KAWASAN TADAHAN DI MANA PIAWAI A DIGUNAKAN

1. Kawasan-kawasan tadahan yang disebutkan dalam peraturan ini adalah kawasan-kawasan di hulu permukaan atau di atas bahagian bawah permukaan pengambilan perbekalan air, bagi maksud-maksud kegunaan manusia, termasuk air minuman.
2. Bagi maksud peraturan ini, pengambilan perbekalan air hendaklah termasuk pengambilan perbekalan air awam yang ditentukan di bawah;

(1) Negeri Johor

<i>Tempat Pengambilan Air</i>	<i>Nama sungai/kolam air/perigi</i>	<i>Sekim perbekalan air</i>
(1)	(2)	(3)
<i>Garis lintang (Utara)</i>		
<i>Garis bujur (Timur)</i>		

103° 26' 00"	1° 34' 00"	Sg. Air Hitam	Pontian
103° 03' 00"	2° 00' 42 "	Sg. Bekok	Yong Peng (Baru)
103° 08' 00"	2° 18' 30"	Sg. Bekok	Bekok
102° 34' 55"	2° 19' 48"	Sg. Belembang	Gunung Ladang
103° 18' 00"	1° 49' 40"	Sg. Benut	Simpang Renggam
103° 03' 42"	2° 22' 48"	Sg. Gatom	Labis (Lama)
104° 03' 42"	1° 53' 24"	Sg. Gembot	Teluk Mahkota/Kuala Sedili
102° 39' 42"	1° 53' 24"	Sg. Jementah	Jementah
103° 52' 24'	1° 44' 42"	Sg. Johor	Lembaga Kemudahan Awam Singapura
103° 03' 18"	2° 27' 28"	Sg. Juaseh	Air Panas
102° 56' 30"	2° 31' 06"	Sg. Juaseh	Kemelah
102° 30' 24"	2° 31' 06"	Sg. Kesang	Kesang
103° 00' 05"	1° 45' 45"	Sg. Koris	Koris (Batu Pahat)
102° 59' 12"	2° 20' 00"	Sg. Labis	Labis (Baru)
103° 01' 48"	2° 23' 30"	Sg. Labis	Labis (Baru)
103° 40' 18"	2° 35' 12"	Sg. Labong	Endau
103° 55' 18"	1° 31' 18"	Sg. Layang-Layang	Johor Baru (Proposed Scheme)
103° 03' 00"	2° 14' 48"	Sg. Lenek	Chaah
103° 19' 20"	2° 01' 20"	Sg. Mengkibol	Kluang
103° 51' 42"	2° 16' 30"	Sg. Mersing	Jemaluang
102° 47' 15"	2° 18' 30"	Sg. Muar	Bukit Serampang
102° 48' 50"	2° 14' 40"	Sg. Muar	Lenga (Muar)
102° 49' 48"	2° 21' 12"	Sg. Muar/Sg Tui	Bukit Kepong
103° 12' 48'	2° 10' 54"	Sg. Paloh	Paloh
103° 50' 00"	1° 49' 48"	Sg. Pelepah Kanan	Kota Tinggi
104° 08' 30"	1° 22' 00"	Sg. Pengerang	Pengerang (Lama)
103° 27' 20"	1° 43' 18"	Sg. Pontian	Bukit Batu
103° 24' 58"	1° 33' 57"	Sg. Pontian Besar	Pontian
103° 24' 58"	1° 34' 35"	Sg. Pontian Besar	Bukit Batu
104° 12' 15"	1° 23' 35"	Sg. Rengit	Pengerang (Baru)
103° 24' 15"	1° 53' 25"	Sg. Sayong	Renggam
130° 29' 00"	1° 49' 00"	Sg. Sayong	Layang-Layang
102° 49' 10"	2° 30' 30"	Sg. Segamat	Segamat
102° 49' 48"	2° 31' 06"	Sg. Segamat	Segamat (Baru)

103° 58' 15"	1° 43' 00"	Sg. Selayut	Air Tawar
103° 42' 59"	1° 44' 15"	Sg. Semangor	Komplek Kulai
103° 06' 24"	1° 52' 18"	Sg. Semberong	Parit Raja
103° 22' 00"	2° 03' 55"	Sg. Semberong	Kluang Baru
103° 56' 48"	1° 31' 18"	Sg. Serai	Kong Kong
102° 55' 40"	1° 59' 00"	Sg. Simpang Kiri	Parit Sulong
102° 44' 18"	2° 10' 40"	(i) Sg. Pagoh	Muar (Panchor)
		(ii) Sg. Muar	-
103° 44' 24"	1° 33' 00"	Sg. Tebrau	Lembaga Kemudahan Awam Singapura
103° 47' 48"	2° 31' 00"	Sg. Tenglu	Tenglu/Mersing
103° 34' 14"	1° 32' 30"	(i) Kolam Air Singapura (Pontian Kecil)	Lembaga Kemudahan Awam Singapura
103° 38' 14"	1° 34' 05"	(ii) Tekong Air Singapura (Gunung Pulau Besar)	-
12° 42' 00"	2° 07' 20"	Imp. Reservoir	Pengkalan Bukit (Muar)
102° 56' 35"	1° 48' 50"	Imp. Reservoir	Bukit Banang (Batu Pahat)

(2) Negeri Kedah

100° 29' 12"	6° 19' 26"	Sg. Air Terjun	Bukit Wang
100° 57' 09"	5° 39' 18"	(i) Sg. Baling	Baling
100° 57' 33"	5° 40' 18"	(ii) Sg. Charok Juan	-
99° 49' 05"	6° 20' 41"	(i) Sg. Batu Asah	Langkawi
99° 46' 21"	6° 22' 13"	(ii) Sg. Saga	-
100° 25' 01"	5° 44' 21"	Sg. Batu Pahat	Merbok
100° 26' 36"	5° 45' 06"	Sg. Bujang	Tupah
100° 28' 26"	5° 37' 49"	Sg. Gurun	Gurun
100° 34' 54"	5° 11' 48"	Sg. Hill	Serdang
100° 43' 50"	5° 50' 40"	Sg. Hill	Sik
100° 39' 55"	5° 23' 48"	Sg. Karangan	Karangan
100° 41' 13"	6° 03' 28"	Sg. Krian	Selama
100° 45' 06"	5° 19' 21"	Sg. Krian	Mahang
100° 39' 12"	5° 41' 43"	Sg. Muda	Teloi Kanan
100° 44' 04"	6° 01' 01"	Sg. Muda	Lubuk Merbau

100° 25' 57"	6° 12' 20"	(i) Sg. Padang Terap	Bukit Pinang
100° 27' 23"	6° 12' 22"	(ii) JPT Canal	-
100° 28' 26"	6° 14' 20"	(i) Sg. Padang Terap	Kuala Nerang
100° 37' 09"	6° 14' 58"	(ii) Sg. Pedu	-
100° 40' 31"	5° 49' 03"	Sg. Pau	Jeniang
100° 36' 07"	5° 58' 28"	(i) Sg. Putat	Sg. Tiang
100° 36' 43"	5° 58' 18"	(ii) Sg. Rambai	-
100° 26' 42"	6° 24' 11"	Sg. Temin	Changloon
100° 36' 58"	6° 15' 29"	Sg. Tenoi	Teroi
100° 31' 45"	5° 07' 28"	Sg. Tipis	Bandar Baru
100° 24' 26"	5° 48' 30"	Perigi	Perigi
100° 24' 55"	5° 47' 34"	Perigi	Yen
100° 30' 07"	5° 34' 00"	Perigi	Pinang Tunggal
100° 43' 11"	5° 06' 18"	Perigi	Sg. Taka

(3) The State Of Kelantan

102° 05' 45"	5° 55' 50"	Sg. Jegor	Kemahang
102° 11' 48"	5° 31' 35"	Sg. Kelantan	Kuala Krai
102° 09' 23"	6° 02' 18"	Sg. Kelantan	Pasir Mas
101° 09' 20"	5° 47' 20"	Sg. Kelantan	Tanah Merah
101° 53' 25"	5° 46' 40"	Sg. Polor	Air Lanas
102° 24' 50"	5° 49' 45"	Sg. Resau	Pasir Putih
102° 12' 55"	5° 45' 05"	Sg. Sat	Macang

(4) Negeri Melaka

102° 18' 10"	2° 27' 5"	Sg. Air Pandan	Hutan Perca
102° 23' 33"	2° 23' 13"	Sg. Anak Air Cabai	Kemendore III dan IV
102° 15' 25"	2° 24' 35"	Sg. Batang Melaka	Gadek
102° 29' 50"	2° 16' 30"	Sg. Chin Chin	Chin Chin
102° 15' 47"	2° 17' 21"	Sg. Kesang	Perkampungan Felda Kemendore I dan II
102° 15' 47"	2° 17' 54"	Sg. Melaka	Bukit Sebukor
102° 18' 4"	2° 16' 26"	Kolam Air, Air Keroh	Air Keroh/Bukit Bruang
102° 35' 16"	2° 24' 23"	Kolam Air Asahan	Bukit Duyong

(5) Negeri Sembilan

102° 15' 22"	2° 56' 48"	Sg. Air Baniang	Simpang Pertang
101° 54' 12"	2° 49' 10"	Sg. Bangkong	Mantin
102° 01' 28"	2° 48' 09"	Sg. Batang Benar	Pantai (Seremban)
102° 13' 24"	2° 56' 00"	Sg. Batang Melaka	Tampin
102° 03' 12"	2° 39' 23"	Sg. Beringin	Pedas
102° 37' 02"	2° 34' 34"	Sg. Gemas	Gemas
102° 21' 16"	2° 40' 10"	Sg. Jelai	Bukit Rokan
102° 16' 24"	2° 36' 36"	Sg. Johol	Johol
102° 03' 10"	2° 53' 10"	Sg. Kemin	Kuala Klawang (Jelebu)
102° 56' 47"	2° 37' 08"	Sg. Linggi	Sg.Linggi
102° 20' 28"	3° 05' 17"	Sg. Lui	Sg.Lui
102° 12' 56"	2° 40' 42"	Sg. Mengku	Kuala Pilah
102° 15' 00"	2° 44' 50"	Sg. Muar	Kuala Pilah
102° 22' 27"	2° 47' 57"	Sg. Muar/Sungai Jempul	Bahau (Baru)
102° 30' 10"	2° 42' 19"	Sg. Muar	Rompin
102° 32' 34"	2° 40' 10"	Sg. Muar	Pasir Besari
102° 11' 30"	2° 54' 56"	Sg. Pertang	Pertang
102° 23' 18"	2° 48' 38"	Sg. Serting	Bahau (Lama)
102° 08' 53"	2° 41' 52"	Sg. Sri Menanti (Sg.Buyau)	Sri Menanti
102° 07' 36"	2° 44' 30"	Sg. Terachi	Terachi

(6) Negeri Pahang

103° 01' 54"	3° 07' 63"	Sg. Aur	Ibam, Kota Perdana, Muadzam Shah Paloh Hinai
102° 32' 48"	3° 16' 10"	Sg. Bera	Bera
102° 36' 37"	3° 09' 46"	Sg. Bera	Kepayang (DARA) Town 34 dan 35 (Tentative Project)
101° 55' 00"	3° 29' 00"	Sg. Benus	Bentong
101° 23' 30"	4° 31' 20"	Sg. Bertam	Berinchang dan Tanah Rata
101° 24' 10"	4° 24' 35"	Sg. Bertam	Lembah Bertam

101° 51' 30"	3° 45' 24"	Sg. Bilut	Raub
101° 53' 00"	3° 41' 00"	Sg. Bilut	LKTP Lurah Bilut
101° 59' 00"	3° 44' 30"	Sg. Chalit dan Sg.Klau	Sungai Ruan
101° 48' 30"	3° 54' 40"	Sg. Cheroh	Cheroh
101° 54' 00"	3° 53' 18"	Sg. Dong	Dong
103° 26' 35"	2° 37' 15"	Sg. Endau	Seladang
102° 7' 10"	3° 15' 20"	Sg. Gapoi	Telemong/Manchis
101° 24' 20"	4° 34' 40"	Sg. Ikan	Kampong Raja
101° 23' 15"	4° 25' 45"	Sg. Jasin	Lubok Tamang
101° 59' 00"	4° 14' 25"	Sg. Jelai	Padang Tengku
102° 16' 00"	4° 05' 00"	Sg. Jelai	Mela
102° 39' 00"	3° 44' 45"	Sg. Jempul	LKTP Ulu Jempul
102° 31' 00"	3°31' 00"	Sg. Jengka	Kg.Awah/Sekim LKTP Sg. Nerek
102° 38' 45"	3° 47' 00"	Sg. Jerik	Ng Tiong Kiat
102° 52' 40"	2° 57' 51"	Sg. Keratong	Cempaka, Kota Bahagia, Kota Shahbandar Melati
102° 51' 27"	2° 50' 51"	Sg. Keratong	Cendrawasih, Pekoti Timor, Perantau Damai, Perwira Jaya
102° 51' 30"	3° 39' 45"	Sg. Kertam	LKTP Kg. New Zealand
102° 00' 30"	3° 33' 00"	Sg. Klau	Kampong Sertik
101° 47' 45"	4° 12' 30"	Sg. Koyan	Sg. Koyan
103° 15' 54"	3° 39' 42"	Sg. Kuantan	Kuantan
102° 35' 30"	3° 29' 00"	Sg. Lanting	Sekolah Perdagangan Chenor
102° 02' 10"	4° 10' 20"	Sg. Lipis	Kuala Lipis
101° 23' 50"	4° 26' 20"	Sg. Luchut	Habu
102° 46' 00"	3° 35' 00"	Sg. Maran	Maran/Bukit Tajau
103° 01' 08"	3° 23' 30"	Sg. Mentiga	Cini, Cini Timor
102° 16' 00"	3° 54' 18"	Sg. Pahang	Sg. Putat (Banjir)
102° 21' 42"	3° 57' 30"	Sg. Pahang	Jerantut
103° 23' 00"	3° 30' 15"	Sg. Pahang	Pekan
103° 23' 30"	3° 30' 54"	Sg. Pahang	Peramu
101° 25' 20"	4° 31' 10"	(i) Sg. Palas	Tringkap
101° 25' 03"	4° 30' 02"	(ii) Sg. Tringkap	-
101° 24' 40"	4° 30' 05"	Sg. Perlong	Kuala Terla

102° 01' 30"	3° 42' 18"	Sg. Pertang	LKTP Lembah Klau
101° 55' 49"	3° 03' 20"	Sg. Riang	Sg.Ruan
101° 21' 40"	4° 24' 20"	(i) Sg. Ringlet	Ringlet
101° 23' 10"	4° 24' 45"	(ii)Sg. Telaga	-
102° 22' 18"	4° 04' 42"	Sg. Retang	LKTP Padang Piol
102° 21' 00"	3° 29' 00"	Sg. Semantan	Temerloh/Mentakab
102° 31' 48"	3° 52' 00"	Sg. Tekam	Sg.Tekam
102° 33' 42"	3° 50' 00"	Sg. Tekam	LKTP tekam/Utara
102° 02' 00"	3° 23' 00"	Sg. Telemong	Karak
102° 26' 00"	3° 50' 30"	Sg. Terpai	Bukit Nekmat (Banjir)
101° 48' 30"	3° 44' 00"	Sg. Tras	Tras
102° 18' 00"	3° 18' 00"	Sg. Triang	Bt.Mendi/Bt.Runchong
101° 24' 30"	3° 14' 30"	Sg. Triang	Triang
101° 43' 24"	3° 42' 18"	Kolam Air	Bukit Fraser
103° 29' 36"	2° 48' 24"	Perigi (Well Points) Kg. Kolam Air	Rompin

(7) Negeri Pulau Pinang

100° 16' 10"	5° 24' 00"	Sg. Air Hitam	Pulau Pinang
100° 15' 56"	5° 24' 13"	Sg. Air Hitam (Sg.Tepi)	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air, Air Itam
100° 16' 58"	5° 26' 25"	Sg. Air Terjun	Pulau Pinang
100° 14' 41"	5° 26' 53"	Sg. Batu Ferringhi	Pulau Pinang
100° 14' 28"	5° 26' 51"	Sg. Batu Ferringhi	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air Batu Ferringhi
100° 14' 20"	5° 27' 17"	Sg. Batu Ferringhi	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air Batu Ferringhi
100° 14' 42"	5° 26' 52"	Sg. Batu Ferringhi	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air Batu Ferringhi

100° 14' 45"	5° 26' 55"	Sg. Batu Ferringhi	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air Batu Ferringhi
100° 14' 45"	5° 27' 12"	Sg. Batu Ferringhi	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air Batu Ferringhi
100° 14' 45"	5° 27' 27"	Sg. Batu Ferringhi	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air Batu Ferringhi
100° 17' 32"	5° 26' 04"	Highlands	Pulau Pinang
100° 17' 28"	5° 26' 02"	Highlands	Bekalan untuk Kolam air, Air Terjun
100° 16' 23"	5° 27' 39"	Sg. Kecil	Pulau Pinang
100° 16' 18"	5° 27' 44"	Sg. Kecil	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air Batu Ferringhi
100° 16' 37"	5° 27' 23"	Sg. Klean	Pulau Pinang
100° 15' 49"	5° 26' 23"	Talian Kuasa Sg. Klean	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air Batu Ferringhi
100° 13' 33"	5° 24' 15"	Sg. Pinang Barat	Pulau Pinang
100° 13' 40"	5° 24' 16"	Sg. Pinang Barat	Bekalan untuk Kolam Air Balik Pulau
100° 14' 17"	5° 28' 15"	Anak Sungai Sebelah 3Vs	Pulau Pinang
100° 16' 33"	5° 27' 41"	Sg. Siru	Pulau Pinang
100° 16' 45"	5° 24' 55"	Anak Sungai Tats	Pulau Pinang
100° 12' 13"	5° 27' 00"	Sg. Telok Awak	Pulau Pinang
100° 12' 14"	5° 26' 53"	Sg. Telok Awak	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air Batu Ferringhi
100° 12' 15"	5° 26' 51"	Sg. Telok Awak	Pulau Pinang Bekalan

			untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air
100° 12' 50"	5° 26' 56"	Sg. Telok Bahang	Pulau Pinang
100° 15' 25"	5° 27' 47"	Sg. Tengah.	Pulau Pinang
100° 13' 18"	5° 26' 37"	Sg. Ubi (anak sungai Telok Bahang)	Pulau Pinang Bekalan untuk Kolam Air Guillemard dan Kolam Air Batu Ferringhi
100° 14' 55"	5° 25' 09"	Kolam Air Tiger Hill	Pulau Pinang Bekalan untuk kawasan penduduk Bukit Bendera
100° 15' 51"	5° 23' 46"	Empangan Air Hitam	Pualu Pinang bekalan untuk Kolam Air, Air Itam
100° 14' 13"	5° 26' 50"	Perigi	Pulau Pinang
100° 14' 23"	5° 26' 46"	Perigi	Pulau Pinang
100° 14' 35"	5° 26' 49"	Perigi	Pulau Pinang
			Seberang Perai Tengah
100° 30' 39"	5° 21' 02"	Sg. Chorak Tok/Stesyen Keretapi Bukit Seraya	Seberang Perai Tengah
100° 29' 42"	5° 21' 24"	(i) Sg. Kelang Ubi	Seberang Perai Tengah
100° 30' 13"	5° 26' 05"	Sg. Kulim	Seberang Perai Utara
100° 29' 15"	5° 33' 24"	Sg. Muda	Seberang Perai Utara
100° 29' 52"	5° 22' 33"	Kolam Air Bukit Berapit/ Sg. Mengkuang	Seberang Perai Tengah
100° 30' 39"	5° 21' 02"	(ii) Kolam Air Cherok Tok Kun	Seberang Perai Tengah
100° 32' 11"	5° 09' 35"	Kolam Air Bukit Panchor	Seberang Perai Selatan

(8) Negeri Perak

100° 45' 53"	4° 52' 05"	(i) Air Terjun	-
100° 46' 29"	4° 50' 39"	(ii) Sg. Batu Tugoh	Taiping
100° 44' 45"	4° 48' 39"	(iii) Sg. Larut	-
100° 46' 15"	4° 52' 53"	(iv) Sg. Rantin	-
100° 16' 56"	4° 50' 14"	(v) Sg. Tupai	-
100° 31' 48"	3° 47' 52"	Sg. Behrang	Behrang

100° 03' 47"	5° 47' 21"	Sg. Bemban	Sungai Siput
100° 51' 12"	4° 54' 29"	(i) Sg. Biong	Sauk
		(ii) Sg. Perah	-
101° 00' 22"	5° 45' 08"	Sg. Chobang Annak	Kroh
100° 53' 19"	4° 45' 31"	Sg. Dal	Kuala Kangsar
100° 51' 23"	4° 36' 17"	Sg. Guar	Manong
101° 00' 41"	5° 11' 43"	Sg. Ibul	Sumpitan
100° 53' 14"	5° 09' 10"	(i) Sg. Ijok	Ijok
100° 54' 14"	5° 09' 17"	(ii) Sg. Klian Gunong	-
100° 45' 12"	4° 53' 49"	Sg. Jana	Sungai Jana
101° 11' 02"	4° 28' 19"	Sg. Jelintoh	Gopeng
101° 34' 10"	3° 41' 47"	Sg. Kading	Tanjong Malim
101° 09' 41"	4° 22' 02"	Sg. Kampar	Kampar
100° 49' 33"	4° 45' 04"	Sg. Kangsar	Kuala Kangsar
		(i) Sg. Kuning	Baru
101° 07' 27"	4° 25' 33"	Sg. Kendrong	Grik
101° 09' 58"	4° 20' 17"	Sg. Kinchap	Kampar
101° 04' 19"	5° 59' 00"	Sg. Kuncha	Lintang Lasah
100° 49' 52"	4° 54' 25"	Sg. Kurau	Batu Kurau
101° 10' 39"	4° 42' 49"	(i) Sg. Kinding	Kinta
101° 12' 04"	4° 40' 06"	(ii) Sg. Kinta	-
101° 15' 48"	4° 17' 17"	Sg. Lah	Tapah dan Chendering
101° 13' 33"	5° 27' 31"	Sg. Lebey	Bersia
101° 57' 39"	5° 06' 54"	Sg. Lenggong	Lenggong
100° 47' 00"	4° 31' 19"	Sg. Lichin	Bruas
101° 10' 35"	4° 21' 21"	Sg. Palai	Malim Nawar
101° 06' 00"	4° 28' 40"	Sg. Perak	Ipoh
100° 54' 57"	4° 29' 17"	Sg. Perak	Greater Ipoh
100° 49' 23"	5° 14' 47"	Sg. Siputeh (Sg. Bayor)	Sungai Bayor
101° 29' 25"	3° 51' 27"	Sg. Slim	Kg. Baru Slim
101° 02' 29"	4° 37' 54"	Sg. Tapah	Sungai Tapah
101° 24' 41"	4° 00' 54"	Sg. Tesong	Sungai Klah Sungkai
109° 44' 04"	5° 13' 23"	Sg. Torak	Selama
101° 25' 39"	3° 57' 17"	Sg. Trolak	Trolak
100° 45' 25"	4° 41' 27"	Sg. Trong	Matang
101° 21' 45"	4° 12' 56"	Sg. Woh	Low Perak Baru

(9) Negeri Perlis

100° 10' 05"	6° 30' 30"	Sg. Batu Pahat	Sungai Batu Pahat
100° 08' 25"	6° 26' 12"	Anak Sungai	Bukit Wei Kuala Perlis
100° 16' 30"	6° 25' 13"	Anak Sungai	Terusan Utara Guar Sanji
100° 18' 10"	6° 39' 45"	Kolam air Padang Besar	Padang Besar
100° 09' 05"	6° 26' 30"	Perigi	Wang Besar
100° 10' 10"	6° 32' 50"	Perigi	Anak Celong
100° 11' 15"	6° 39' 45"	Perigi	Gua Hantu
100° 16' 15"	6° 25' 15"	Perigi	Arau
100° 16' 30'	6° 41' 12"	Perigi	Bukit Mata Air Padang
100° 19' 00"	6° 31' 25"	Perigi	Felda Chuping

(10) Negeri Selangor

101° 48' 06"	3° 09' 42"	Sg. Ampang	Pengambilan Ampang
101° 40' 06"	3° 27' 54"	Sg. Batang Kali	Ulu Selangor Selatan
101° 04' 48"	3° 43' 48"	Sg. Bernam	Kg. Tok Khalifah
101° 06' 00"	3° 44' 36"	Sg. Bernam	Bagan Terap
101° 26' 48"	3° 44' 24"	Sg. Bernam	Kampong Selisek
101° 31' 06"	3° 11' 42"	Sg. Buloh	Subang
101° 35' 12"	3° 13' 42"	Sg. Buloh	Sg. Buloh
101° 33' 12"	3° 05' 00"	Sg. Damansara	Bukit Jelutong
101° 31' 42"	3° 24' 24"	Sg. Darah	Sungai Buaya
101° 23' 54"	3° 40' 30"	Sg. Dusun	Sungai Dusun
101° 41' 30"	3° 36' 42"	Sg. Gerachi	-
101° 44' 00"	3° 18' 30"	Sg. Gombak	Gombak
101° 35' 42"	3° 38' 54"	Sg. Inki	Ulu Selangor Utara
101° 45' 36"	3° 14' 16"	Sg. Klang	Ampangan Klang Gates
101° 46' 42"	3° 10' 00"	Sg. Kongsilapan	Takungan Air Ampang
101° 37' 36"	3° 14' 18"	Sg. Kroh	Kepong
101° 40' 48"	3° 35' 12"	Sg. Kubu	Kuala Kubu Baru
101° 40' 48"	2° 50' 48"	Sg. Langat	Bukit Tampoi (Baru)
101° 40' 48"	2° 50' 48"	Sg. Langat	Bukit Tampoi (Lama)
101° 46' 36"	3° 02' 36"	Sg. Langat	Cheras
101° 47' 18"	3° 04' 42"	Sg. Langat	Sg. Langat
101° 38' 06"	2° 57' 36"	Sg. Rasau	Pulau Meranti

101° 44' 18"	3° 17' 54"	Sg. Rumput	Sg. Rumput
101° 26' 48"	3° 24' 00"	Sg. Selangor	Rantau Panjang (Lama)
101° 26' 48"	3° 24' 00"	Sg. Selangor	Rantau Panjang Loji Pengolahan (Baru)
101° 27' 48"	3° 20' 18"	Sg. Sembah	Batu Arang
101° 47' 12"	3° 05' 48"	Sg. Serai	Lembah Ulu Langat
101° 28' 48"	3° 10' 00"	Sg. Subang	Hummock Utara
101° 25' 30"	3° 37' 30"	Sg. Tenggi	Sg. Tenggi

(11) Negeri Terengganu

102° 29' 25"	5° 34' 30"	Sg. Bekok	Tenang (FELDA)
102° 29' 00"	5° 44' 12"	Sg. Besut	Jerteh
102° 50' 10"	5° 26' 15"	Sg. Chalok	Chalok (FELDA)
103° 20' 18"	4° 41' 30"	Sg. Dungun	Bandar Dungun
103° 16' 10"	4° 15' 50"	Sg. Kemaman	Seberang Tayor
103° 19' 30"	4° 13' 05"	Sg. Kemaman	Sungai Pinang
103° 19' 18"	4° 32' 26"	Sg. Kerteh	Rasau Kerteh (sementara)
102° 59' 00"	5° 18' 12"	Sg. Nerus	Belara (FELDA)
102° 44' 38"	5° 31' 10"	Sg. Setiu	Kampong Penarik
103° 10' 18"	4° 56' 00"	Sg. Telemboh	Jerangau
103° 00' 35"	5° 05' 55"	Sg. Trengganu	Kuala Brang
103° 02' 40"	5° 13' 05"	Sg. Trengganu	Pulau Babi
103° 05' 45"	5° 18' 48"	Sg. Trengganu	Pulau Musang
103° 24' 30"	4° 25' 00"	Sg. Tumpat	Kemasik

(12) Negeri Sarawak

112° 50' 05"	1° 02' 26"	Batang Ai	Lubuk Antu
114° 19' 29"	4° 10' 40"	Batang Baram	Marudi
114° 24' 43"	3° 45' 56"	Batang Baram	Long Lama
111° 32' 10"	2° 40' 19"	Batang Jemoreng	SMK Matu/ Daro
112° 08' 11"	2° 23' 55"	Batang Oya	Nanga Sekuau
112° 9' 34"	2° 06' 07"	Batang Rajang	SMK Kanowit
112° 56' 37"	2° 01' 08"	Batang Rajang	Kapit

111° 37' 10"	1° 17' 08"	Batang Sekerang	Sekerang
111° 31' 00"	1° 08' 14"	Batang Undup	Simanggang
111° 40' 15"	2° 04' 15"	Sg. Bakong	SMK Bintang/RTTC
114° 58' 48"	4° 40' 10"	Sg. Berawan	Limbang
111° 41' 11"	2° 04' 54"	Sg. Binatang	Binatang
111° 25' 00"	1° 06' 15"	Sg. Dor	Melugu
115° 00' 16"	4° 41' 34"	Sg. Emoak	Pandaruan
111° 32' 16"	1° 24' 31"	Sg. Entanak	Betong
115° 23' 11"	4° 49' 34"	Sg. Gaya	Lawas
111° 54' 15"	2° 01' 41"	Sg. Julau	Julau
112° 09' 05"	2° 05' 57"	Sg. Kanowit	Kanowit
112° 33' 06"	2° 00' 10"	Sg. Katibas	Song
110° 30' 21"	1° 05' 53"	Sg. Kayan	Tebakang
113° 55' 44"	4° 06' 26"	Sg. Kejapil	Bekenu
114° 02' 06"	4° 18' 18"	Sg. Liku	Miri
110° 47' 06"	1° 22' 03"	Sg. Malanjok	Simunjan
111° 37' 30"	2° 03' 42"	Sg. Maradong	Maradong
111° 38' 13"	1° 07' 53"	Sg. Marup	Engkilili
113° 45' 03"	3° 48' 00"	Sg. Niah	SMK Subis
111° 37' 41"	2° 01' 18"	Sg. Paoh	SMK Sarikei
112° 03' 47"	2° 18' 14"	Sg. Pasai	SMK Sibul Pendalaman
112° 04' 19"	2° 52' 26"	Sg. Petanek	Mukah
110° 34' 45"	1° 08' 29"	Sg. Ranchan	Serian
110° 19' 03"	1° 43' 44"	Sg. Sabun	Santubong
111° 30' 05"	2° 01' 34"	Sg. Sarikei	Sarikei
109° 47' 44"	1° 47' 41"	Sg. Sebat Besar	Sematan
109° 50' 32"	1° 41' 13"	Sg. Sebemban	Lundu
111° 19' 34"	1° 47' 15"	Sg. Sebetan	Saratok
111° 17' 52"	1° 53' 07"	Sg. Seblak	Roban
110° 07' 53"	1° 24' 16"	Sg. Seburan	SMK Tasek Bau
112° 05' 49"	2° 19' 54"	Sg. Sibintek	Sibintek
113° 05' 59"	3° 11' 57"	Sg. Sibiu	Bintulu
110° 11' 56"	1° 26' 52"	Sg. Siniawan	Siniawan
110° 37' 08"	1° 08' 03"	Sg. Sinyaru	Triboh
112° 32' 24"	2° 56' 17"	Sg. Suyong	Balingian
111° 24' 04"	1° 17' 28"	Sg. Tapah	Tapah/Beratok
111° 57' 00"	2° 45' 07"	Sg. Ud	Dalat

111° 24' 45"

1° 33' 54"

Tadahan Paya

SMK Debak

(13) Negeri Sabah

116° 20' 17"

05° 25' 15"

Sg. Baiays

Bingkor

116° 45' 00"

06° 28' 00"

Sg. Bandaru

Kota Marudu

118° 19' 48"

05° 01' 38"

Sg. Edam

Lahad Datu

118° 19' 45"

04° 25' 17"

Sg. Gading-Gading

Semporna

118° 04' 45"

05° 51' 18"

Sg. Kebun China

Sandakan

116° 33' 28"

06° 32' 00"

Sg. Kukut

Timbang Mengaris

115° 34' 43"

05° 06' 25"

Sg. Lakutan

Sipitang/Mesapol

115° 57' 24"

05° 07' 00"

Sg. Langut

Tenom

116° 09' 00"

05° 19' 18"

Sg. Liawan

Keningau

116° 38' 40"

05° 57' 08"

Sg. Liwagu

Ranau

115° 37' 30"

05° 11' 55"

Sg. Lingkungan

Weston/Lingungan

118° 27' 45"

04° 25' 26"

Sg. Luran

Semporna

118° 24' 45"

04° 22' 50"

(i) Sg. Mantarilip

Semporna

118° 25' 45"

04° 23' 47"

(ii) Sg. Mantarilip

Semporna

117° 33' 04"

05° 50' 07"

Sg. Moynod

Beluran

116° 06' 35"

05° 54' 53"

(ii) Sg. Moyog (Lama)

Kota Kinabalu

116° 09' 28"

05° 55' 20"

(ii) Sg. Moyog (Baru)

-

115° 47' 50"

05° 28' 15"

Sg. Membakut

Membakut

115° 46' 00"

05° 20' 38"

Sg. Padas

Beaufort

115° 57' 23"

05° 42' 52"

Sg. Papar

Papar

116° 25' 18"

05° 02' 00"

Sg. Penawan

Nabawan

116° 34' 30"

06° 00' 30"

Sg. Romowanan

Kundasang

118° 16' 48"

05° 02' 00"

Sg. Sepagaya

Lahad datu

118° 03' 08"

05° 51' 30"

Sg. Sibuga

Sandakan

117° 53' 53"

04° 15' 25"

Sg. Tawau

Tawau (Lama)

117° 52' 50"

04° 16' 52"

Sg. Tawau

Tawau (Baru)

116° 20' 17"

05° 40' 30"

Sg. Tandular

Tambunan

116° 06' 15"

05° 37' 55"

Sg. Telupid

Telupid

116° 15' 58"

06° 08' 00"

Sg. Tuaran

Tamparuli

116° 13' 44"

06° 10' 23"

Sg. Tuaran

Tuaran

116° 48' 05"

06° 56' 20"

Kolam Air Penangsoo

Kudat

118° 14' 40"

04° 42' 05"

Matair Kunak

Kunak

115° 34' 20"	05° 30' 00"	Lubang Korek	Kuala Penyu
Di kawasan tadahan Kabun China		Lubang Korek	Sandakan (Bawah Tanah)
Kawasan lapangan Terbang Labuan		Lubang Korek	Labuan
116° 25' 50"	06° 21' 25"	Perigi	Kota Belud

JADUAL KELIMA

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN DAN EFFLUEN-EFFLUEN PERINDUSTRIAN) 1979

[Peraturan 8 (4)]

SENARAI PARAMETER-PARAMETER YANG MANA HAD-HAD AKAN DITENTUKAN

- (i) Nitrogen amonia
- (ii) Sulfat
- (iii) Klorid
- (iv) Kobalt
- (v) Warna
- (vi) Pembersih, Anion
- (vii) Florid (sebagai F)
- (viii) Molibdenum

(ix) Nitrat Nitrogen

(x) Fosfat (sebagai P)

(xi) Bifenil poliklorin

(xii) Selenium

(xiii) Perak

(xiv) Berillium

(xv) Vanadium

(xvi) Bahan Radio aktif

(xvii) Racun makhluk perusak, racun kulat, racun herba, racun serangga, racun binatang mengerip, gas beracun, atau mana-mana racun hidupan lain atau mana-mana hidrokarbon berklorin yang lain.

(xviii) Sesuatu bahan sama ada bersendirian atau bergabung atau bertindakbalas dengan lain-lain buangan atau hampas yang boleh mengakibatkan apa-apa gas, asap atau bau atau bahan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan pencemaran.

JADUAL KEENAM

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN DAN EFFLUEN-EFFLUEN PERINDUSTRIAN) 1979

[Peraturan 11 (5) (b)]

HAD-HAD PARAMETER BAGI EFFLUEN SELAIN DARIPADA PIAWAI A ATAU B

<i>Parameter</i>	<i>Unit</i>	<i>Had</i>
(i) Suhu	°c	45
(ii) Nilai pH	-	5.0-9.0
(iii) BOD ₅ pada 20°c	mg/1	400
(iv) COD	mg/1	1000
(v) pepejal-pepejal ampaian	mg/1	400
(vi) Raksa	mg/1	0.10
(vii) Kadmium	mg/1	1.0
(viii) Kromium, Heksavalensi	mg/1	2.0
(ix) Arsenium	mg/1	2.0
(x) Sianid	mg/1	2.0
(xi) Pelambam	mg/1	2.0
(xii) Kromium, Trivalensi	mg/1	10
(xiii) Tembaga	mg/1	10
(xiv) Mangganam	mg/1	10
(xv) Nikel	mg/1	10
(xvi) Timah	mg/1	10
(xvii) Zing	mg/1	10
(xviii) Besi (Fe)	mg/1	50
(xix) Fenol	mg/1	5

(xx) Sulfid	mg/1	2.0
(xxi) Minyak dan geris	mg/1	100

JADUAL KETUJUH

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (KUMBAHAN DAN EFFLUEN-EFFLUEN PERINDUSTRIAN) 1979

[Peraturan 22 (1)]

KAEDAH MENGHITUNG BAYARAN LESEN YANG BERKAITAN DENGAN EFFLUEN

1. Jumlah bayaran lesen yang berkaitan dengan effluen hendaklah tertakluk kepada:

- (1) Jumlah amaun muatan organan dalam effluen, yang ditentukan sebagai jumlah keperluan, oksigen kimiahayat effluen (BOD₅ at 20°C) yang dinyatakan dalam tan metrik (tonne)
- (2) Jumlah amaun kebiasaan ditentukan sebagai jumlah amaun kotoran yang disenaraikan sebagai parameter-parameter (vi) hingga (xvi) dalam Jadual Ketiga, dan parameter-parameter (xi) hingga (xviii) yang disenaraikan dalam Jadual Kelima terdapat dalam effluen, yang dinyatakan dalam kilogram (kg); dan
- (3) Jumlah amaun kebiasaan yang lain ditentukan sebagai amaun jumlah kotoran yang disenaraikan sebagai parameter-parameter (xvii) hingga (xxiii) dalam Jadual Ketiga dan mana-mana parameter lain difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, yang terdapat dalam effluen dan dinyatakan dalam kilogram (kg).

2. Bayaran lesen hendaklah dikira menurut perenggan (1) Jadual ini seperti berikut:

<i>Pengairan daratan di mana effluen dilepaskan ke dalamnya</i>	<i>BAYARAN</i>		
	<i>Muatan tiap-tiap tan BOD yang ditetapkan di bawah perenggan 1 (1)</i>	<i>Kotoran-kotoran tiap-tiap Kg. yang ditetapkan di bawah perenggan 1 (2)</i>	<i>Kotoran-kotoran tiap-tiap Kg. yang ditetapkan di bawah perenggan 1 (3)</i>

(a) Pengairan daratan yang ditetapkan dalam peraturan 8(1)(a)	RM100.00	RM500.00	RM100.00
(b) Mana-mana pengairan daratan lain	RM10.00	RM50.00	RM10.00

Dibuat pada 1 haribulan Januari 1979.

[KST. & AS. SULIT 4315; AS 1005; PN. (PU²) 280.]

TAN SRI ONG KEE HUI,
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

SENARAI PINDAAN

<i>Undang-undang yang meminda</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Berkuat kuasa dari</i>
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
P.U. (A) 400/97	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) (Pindaan) 1997	17-10-1997
P.U. (A) 398/2000	Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) (Pindaan) 2000	31-10-2000

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD